

BAB 5

KESIMPULAN

Sejak tahun 1948, pelbagai rancangan telah digariskan untuk membentuk sebuah negara Islam Pakistan melalui Resolusi Objektif. Resolusi ini meletakkan undang-undang *syariah* sebagai undang-undang tertinggi negara. Walaupun Pakistan ditubuhkan atas dasar ideologi Islam, pengisian yang diterapkan bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan dalam erti kata yang sebenarnya. Sepanjang tempoh kemerdekaan iaitu dari 14 Ogos 1947 sehingga tahun 1990-an, *syariah* dimartabatkan sebagai satu lambang kesucian Islam yang tidak boleh digugat. Bagaimanapun, ia terlalu jauh untuk dibuktikan berdasarkan kepada amalan keislaman yang diaplikasikan di Pakistan.

Pakistan ditubuhkan melalui pengertian Islam yang cukup lemah di dalam meneruskan kesinambungan sebuah tamadun Islam. Kemerdekaan yang dicapai tidak diiringi dengan kesyukuran atas kesukaran memperjuangkan negara merdeka yang dapat menjamin kehidupan masyarakat Islam di bawah syiar Islam. Ini kerana pemikiran sekular telah dibawa lebih awal ke dalam Pakistan oleh pemimpin-pemimpin seperti Sayyid Ahmad Khan dan Muhammad Ali Jinnah. Mereka telah berusaha mewujudkan negara Pakistan moden tetapi dalam masa yang sama telah menjadikan agama Islam sebagai alat untuk menarik masyarakat Islam yang menetap di daerah-daerah utara India ke dalam Pakistan. Kelahiran Muhammad Iqbal dan Abul A'la al-Maududi yang merupakan pemikir Islam yang terkenal di India pada waktu itu tidak dapat menyahkan pemikiran sekular barat apabila politik Pakistan dibentuk berdasarkan pengenalan sistem demokrasi barat. Kenyataan-kenyataan

nyata telah dikeluarkan oleh pemimpin ketika itu yang membuktikan bahawa Pakistan bukanlah negara teologi berdasarkan agama Islam.

Bagaimanapun, kemunculan Zia ul Haq sebagai presiden Pakistan pada tahun 1977 hingga 1988 telah membawa satu sinar baru dalam negara Islam itu. Beliau merupakan satu-satunya pemimpin yang cuba berusaha mengimplementasikan program-program Islamisasi negara berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah di setiap sudut pentadbiran negara mahupun kehidupan sosial. Tetapi, kegigihannya mempertahankan sesuatu kegemilangan tamadun Islam bukanlah perkara yang mudah untuk menuju ke arah pengglobalisasian dunia ketika itu kerana kepimpinan yang unggul dengan nilai kesyumulan Islam sahaja yang boleh melakukannya. Namun, akibat terlalu memberi tumpuan yang berlebihan ke atas pembangunan undang-undang dan pertahanan telah menyebabkan Zia ul Haq juga berhadapan dengan kegagalan pengislamisasian negara yang menyeluruh. Pemerintahan negara selepas Zia ul Haq pula nyatanya lebih menumpukan kepada pembangunan material berbanding pembentukan insaniah.

Zia ul Haq semasa era kepimpinannya telah membawa idea “revival-fundamentalist Islam” iaitu idea membangunkan dan mengembalikan sinar Islam yang telah tengelam sejak penubuhan negara Pakistan. Melalui pemerintahan ala-diktator dan kelebihan menggunakan kuasa tentera serta perundangan sepenuhnya, beliau melancarkan gerakan reformasi Islam dengan serta-merta sebaik sahaja menerajui tampuk kepimpinan negara. Melalui sokongan padu para *ulama* dan ahli *Jamaat-i-Islami*, beliau tidak mensia-siakan masa yang ada untuk mengembalikan Pakistan kepada sebuah negara Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Program

Islamisasi yang dijalankan pertama kali di Pakistan merangkumi seluruh aspek kehidupan berpolitik, ekonomi, dan sosial. Penubuhan Mahkamah Syariah adalah usaha yang seharusnya dibanggakan kerana fungsi mutlak yang dikhaskan untuk menjaga ketertinggian undang-undang Islam di Pakistan. Pengenalan *zakat*, *ushr*, dan *riba* serta Undang-Undang Jenayah Islam seperti *hudud* dan kedudukan wanita yang dijaga berdasarkan *syariat* adalah antara pengisian Islamisasi yang diterapkan oleh beliau dalam masyarakat.

Bagaimanapun, program Islamisasi yang diketengahkan oleh Zia ul Haq telah mengundang pelbagai reaksi masyarakat umpamanya, pengenalan undang-undang Sunnah iaitu *syariah* telah menimbulkan peristiwa keganasan mazhab Sunnah-Syiah dan pertentangan kelompok Ahmadiyah serta Zikri yang diumumkan sebagai minoriti bukan Islam. Selain itu, kerajaan yang bersifat bukan demokratik ini dituduh menyebabkan kelonggaran undang-undang dalam negara yang meletakkan kekuasaan sepenuhnya di tangan presiden dan ini merupakan punca penentangan yang telah menjatuhkan beliau dan mengembalikan demokrasi barat yang diamalkan sebelum ini.

Jika ditinjau dari sudut keberkesanan pengislamisasian di Pakistan, terbukti pada tahun 1980, Mahkamah Syariah Persekutuan yang ditubuhkan untuk membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang Islam hanyalah mampu memberikan pengadilan yang terhad dan sedikit kesannya kepada undang-undang Pakistan. Manakala, pada tahun 1988 pula, Ordinan Syariah yang diperkenalkan telah gagal untuk bertindak sebagai perantara yang baik dalam penggunaan *syariah* di Pakistan. *Syariah* tidak lagi merupakan undang-undang utama di dunia dan dianggap sebagai satu undang-undang yang primitif, tidak bertamadun

dan kuno.²⁷⁹ Ini dikatakan kerana undang-undang *syariah* hanya dapat difahami oleh orang-orang Islam yang mahukan ia dilaksanakan di Pakistan sedangkan kemodenan dan globalisasi mengubah pemikiran penduduk Islam ke arah kesejagatan walaupun kebanyakan unsur kesejagatan itu merendahkan hukum Islam yang sedia ada.

Mengkaji kepimpinan Zia ul Haq, beliau telah dapat mempertahankan kerajaan lebih lima tahun kerana sokongan yang diberikan oleh tentera dan pegawai kerajaan yang dipilihnya. Semasa pemerintahan beliau, perkhidmatan kerajaan telah dikecilkan dan pegawai-pegawaiannya dilantik oleh beliau. Tindakan ini dilakukan untuk memberikan autoriti sepenuhnya kepada tentera dalam pemerintahan berbanding era Bhutto yang mengamalkan sistem pemerintahan corak bersama tentera-perkhidmatan awam. Di samping itu, hegemoni Soviet ke atas Afghanistan memberikan kebimbangan kepada Pakistan yang bersempadan dengannya. Bantuan ketenteraan diterima dari luar untuk mengawal negara daripada terjerumus ke dalam kekuasaan Soviet. Pada 28 September 1979, *Financial Times* melaporkan:

"General Zia has been no more successful than the three military regimes before him in finding a satisfactory balance between the demands of the provinces for more autonomy and the claims of the central government for sufficient power to hold the country together... His regime has brought the army – which has traditionally believed that it has a special role as defender of the nation's integrity – into disrepute by a oppressiveness of its rule."²⁸⁰

²⁷⁹ Wazir Ali Khan, "Enforcement of Syari'ah in Pakistan", dlm. The Muslim World League Journal, Volume 26, Number, 11 February / March 1999, hlm. 26.

²⁸⁰ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, hlm. 144.

Beberapa tahun kemudian akhbar yang sama juga melaporkan :

“President Zia’s rule has been firm, somewhat harsh. But he is not a dictator. What he lacks in depth he makes up for inguile.”²⁸¹

Keterusan Zia ul Haq dalam pemerintahan juga dikatakan kerana beliau sering melakukan penggantian pegawai tenteranya dengan menghantar mereka untuk berkhidmat ke luar negara seperti Arab Saudi, Jordan, Libya, Oman, dan Emiriah Arab Bersatu yang dapat mengelakkan rampasan kuasa tentera. Dalam mengekang tradisi rampasan kuasa di kalangan pemimpin tentera, Zia ul Haq telah menjamin kehidupan sosial yang lebih baik untuk mereka. Persatuan-persatuan kebajikan disediakan kepada bekas anggota keselamatan seperti Yayasan Fauji untuk tentera darat, Yayasan Shaheen untuk tentera udara, dan Yayasan Bharia untuk tentera laut.²⁸²

Kekalahan rejim ketenteraan Zia ul Haq dikatakan kerana akibat kehausan dalam mengeksplorasi Islam dan ketandusan peranan yang boleh dimainkan oleh Islam. Nasionalisma Pakistan, situasi di Afghanistan, dan matlamat program pembangunan sosioekonomi serta budaya seolah-olah lebih dominan menggantikan Islam sebagai asas undang-undang negara baru ini. Kedua-dua parti politik Islam juga telah kekurangan agenda berkenaan dengan tuntutan Islam mereka sebelum ini. Golongan ini dikatakan memahami Islamisasi itu sekadar kepada pengenalan *zakat*, *ushr*, *riba*, dan undang-undang jenayah Islam yang diperkenalkan kepada mereka tanpa banyak persoalan. Parti-parti politik agama tidak mempunyai apa-apa tuntutan kukuh kepada kerajaan kecuali perkara-perkara baru dalam institusi Islam yang patut

²⁸¹ Ibid.

²⁸² Ian Talbot, Pakistan : A Modern History, hlm. 246.

diimplementasikan dengan lebih berkesan. Akhirnya, kebangkitan PPP pada musim panas tahun 1986 membuka semula isu-isu politik, ekonomi, dan integrasi kebangsaan yang diabaikan oleh kerajaan tentera semasa lapan tahun era Islamisasi.²⁸³

Berakhirnya kepimpinan Zia ul Haq sebaik sahaja kematiannya pada Ogos 1988, telah membawa Pakistan kembali ke era sistem pemerintahan demokrasi seperti yang diamalkan oleh Pakistan sebelumnya. Beliau telah digantikan oleh Benazir Bhutto iaitu anak perempuan Zulfikar Ali Bhutto yang telah dijatuhkan hukuman gantung pada 4 April 1979 atas dakwaan membunuh. Walaupun kepimpinan Zia mengundang pelbagai kontroversi terutamanya atas isu kekuasaannya yang mutlak namun, reformasi yang cuba dibawanya adalah percubaan yang menarik berdasarkan kefahaman dan kehendak Islam yang sekaligus memberi kesan kepada penduduk Pakistan. Program Islamisasi yang dilaksanakan adalah sesuatu yang membanggakan bagi semua negara yang ditubuhkan atas dasar agama Islam itu. Sistem demokrasi yang muncul semula selepas tiga dekad Pakistan di bawah pemerintahan ketenteraan telah meletakkan undang-undang *syariah* sekadar termaktub dalam perlembagaan negara.

Pembangunan Islam bukan lagi suatu isu utama pada tahun-tahun 1990-an yang menghadapi pertikaian dan pergolakan politik. Islam dengan sendirinya telah terpinggir dan tidak diperjuangkan lagi. Malahan, Islam itu bukan juga sebagai agenda untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam pemerintahan. Perebutan kuasa perdana menteri telah berulang kali berlaku di antara Benazir Bhutto dan Nawaz Sharif yang kemudiannya dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan melakukan

²⁸³ Mumtaz Ahmad, "Pakistan", him. 238.

rasuah. Kemelut perebutan kuasa politik di Pakistan ini bercampur aduk dengan ketegangan antarabangsa kerana adanya kuasa-kuasa luar seperti Amerika Syarikat dan Britain yang dijemput untuk memberikan sokongan kepada kerajaan. Hingga ke akhirnya pergolakan ini ditamatkan apabila pihak tentera yang diketuai oleh Pervez Musharraf telah melakukan rampasan kuasa daripada Nawaz Sharif pada 12 Oktober 1999 sehingga kini. Kehadiran beliau dalam arena politik negara adalah dengan tujuan untuk menyelamatkan Pakistan daripada terus terjerumus ke dalam kancah politik yang tidak berkesudahan dan menghancurkan rakyat.

Pemimpin selepas Zia ul Haq tidak dapat melepaskan diri daripada pengaruh sekular barat. Semasa kepimpinan perdana menteri Nawaz Sharif, rang undang-undang di Parlimen telah diperkenalkan untuk menjadikan *syariah* sebagai undang-undang tertinggi negara.²⁸⁴ Nawaz Sharif juga semasa Perhimpunan Kebangsaan telah menyatakan "I declare that Quran and Sunnah are being made the supreme law of the country."²⁸⁵ Bagaimanapun, beliau menambah bahawa pindaan-pindaan yang boleh melindungi undang-undang sivil dan kebebasan beragama bagi golongan minoriti bukan Islam dalam negara Pakistan kerana sistem perundangan yang sedia wujud adalah campuran undang-undang Islam dan perundangan British.²⁸⁶ Ternyata ucapan ini membuktikan bahawa beliau tidak dapat memisahkan dirinya daripada pengaruh pemikiran barat yang bertentangan dengan ideologi Islam.

Walaupun undang-undang *syariah* telah diakui sebagai undang-undang yang tertinggi dari segi perlombagaan, penentangan tetap muncul daripada pihak-pihak

²⁸⁴ Ibid.

²⁸⁵ Mozammel Haque, "Supremacy of Syariah in Pakistan", dlm. The Muslim World League Journal, Volume 26, Number 7, November 1998, hlm. 30.

²⁸⁶ Ibid.

yang tidak bersetuju dengan pengunaan undang-undang *syariah* dalam negara. Antaranya penentangan yang berlaku datangnya daripada parti-parti liberal, kumpulan hak asasi manusia, kumpulan perundangan, dan minoriti bukan Islam . Mereka mendakwa bahawa Nawaz Sharif cuba mendapatkan kekuasaan yang sepenuhnya dengan mempertahankan undang-undang *syariah* dan cuba untuk mengadakan pemerintahan diktator melalui rang undang-undang ini.²⁸⁷ Ketua penentang terkuat terhadap Nawaz Sharif iaitu Benazir Bhutto menyatakan :

“The Nawaz regime is seeking to undermine our Constitution through passage of a bill under the guise of Syariah Law, a move which will concentrate all powers into the hands of the prime minister, degrade women, and remove all protection for ethnic and religious minorities.”²⁸⁸

Benazir Bhutto yang merupakan perdana menteri di bawah sistem demokrasi yang bergiliran dengan Nawaz Sharif juga bukanlah seorang pemimpin Islam yang sejati untuk negara Islam ini. Bhutto merupakan seorang wanita yang mempunyai latar belakang pendidikan sekular barat dan dengan itu telah merubah identiti politik Islam Pakistan dengan membawanya menjadi sebuah negara sekular.²⁸⁹ Ketika berada dalam tumpuk kekuasaan, beliau lebih menumpukan kepada penerusan usaha liberalisasi ekonomi dan penswastaan di Pakistan yang telah dimulakan oleh pemimpin sebelumnya untuk menarik kedatangan pelabur asing ke dalam negara. Bhutto menggambarkan Pakistan sebagai sebuah negara Islam moden yang berminat dalam pasaran dan bukannya keganasan serta membina semula hubungan baik dengan negara luar. Benazir Bhutto merupakan pemimpin yang tidak begitu menitik beratkan kesinambungan Islamisasi yang dijalankan di Pakistan sebelum ini. Malahan,

²⁸⁷ Ibid, hlm. 31.

²⁸⁸ Ibid.

²⁸⁹ Christina Lamb, Waiting for Allah : Pakistan's Struggle for Democracy, hlm. 31.

kejayaannya memegang jawatan perdana menteri wanita pertama Pakistan adalah sesuatu yang dibanggakan dan mencabar tindakan Zia ul Haq yang dikatakan mengawal kebebasan wanita di Pakistan. Atas alasan inilah beliau seringkali mengetuai perhimpunan yang memperjuangkan status wanita yang dianggapnya berada di kedudukan yang rendah dalam Islam.

Kerajaan yang bersifat demokrasi pimpinan Bhutto dan Nawaz telah menjauhkan Islam daripada politik dengan menumpukan kepada pembangunan material yang agak ketinggalan berbanding dengan negara Asia yang lain. Bagaimanapun, usaha yang mereka perjuangkan untuk mencapai pembangunan material juga tidak begitu berjaya. Kedua-duanya sentiasa cuba meraih perhatian dan sokongan ahli politik demi mencapai kedudukan yang tinggi dalam pemerintahan. Lantaran itu, mereka dikatakan tidak begitu bersedia untuk memenuhi permintaan rakyat. Kewibawaan negara untuk menangani isu ekonomi pada era ini sebenarnya berselindung di sebalik kepentingan peribadi. Semasa kepimpinan Benazir Bhutto, tidak ada satu undang-undang yang diluluskan berkenaan dengan rancangan pembangunan ekonomi negara. Manakala, semasa Pakistan di bawah tumpuk pemerintahan Nawaz Sharif pada tahun 1990 hingga 1993, rancangan pembangunan ekonomi yang dilakukan telah disusuli dengan gejala rasuah besar-besaran yang memberikan keuntungan kepada pihak-pihak tertentu.²⁹⁰

Pakistan yang merupakan ‘tanah suci’ milik penduduk Islam ini telah kehilangan identiti diri yang bermula sejak ia mencapai kemerdekaan lima puluh

²⁹⁰ Samina Yasmeen, “Pakistan : Moving Toward Democracy”, *Asian Studies Review*, Volume 21, Number 2-3, November 1997, hlm. 99.

tahun yang lampau. Antara faktor yang menghalang ketelusan identiti diri di Pakistan adalah kerana peranan aktor iaitu individu atau kumpulan yang menyertai kepimpinan.²⁹¹ Pergerakan menuntut negara yang terpisah daripada India pada akhir tahun 1930-an sudah menimbulkan bayangan krisis identiti di Pakistan yang didirikan atas akar umbi Islam. Berdasarkan latar belakang individu yang mengetuai kempen penubuhan Pakistan, mereka bukanlah daripada kalangan ahli teologi dan perundangan Islam tetapi daripada kelompok politikus dan undang-undang umum. Misalnya, Muhammad Ali Jinnah yang digelar sebagai pengasas Pakistan itu bukan kelahiran mana-mana sekolah pemikiran agama tetapi daripada Universiti Cambridge dan peguam yang dilahirkan oleh salah sebuah daripada empat mahkamah yang merupakan persatuan perundangan di England. Malahan, pegawai tenteranya seperti Liaquat Ali Khan yang menjawat jawatan perdana menteri pertama Pakistan juga bukan dari kalangan ahli agama. Kebanyakan pemimpin yang berpendidikan barat ini dengan jelas telah menyumbang kepada punca permasalahan untuk mencari nilai identiti keislaman yang sebenar di Pakistan. Pendekatan pembangunan yang dilaksanakan oleh mereka untuk pembangunan sosial dan politik merupakan pengadaptasian daripada model barat melebihi pengadaptasian nilai dan sejarah negara Pakistan itu sendiri.

Selain itu, kemunculan pemimpin berideologi sekular barat ini begitu sinonim dengan sebuah parti yang akan membawa mereka mencapai keunggulan di Pakistan. Pencapaian kemerdekaan yang mewujudkan sebuah negara Islam akhirnya berubah menjadi satu masalah untuk meletakkan kepentingan fungsi Islam dalam pemerintahan. Namun, kepincangan memartabatkan status Islam dalam politik

²⁹¹ John L. Esposito, "Pakistan : Quest For Islamic Identity", him. 159.

Pakistan selepas kemerdekaan telah dibayangi dan dilindungi oleh kestabilan politik dan pembangunan negara yang dicapai kemudiannya. Pemimpin politik, golongan modenis dan kalangan para *ulama* juga mahu melihat kestabilan dicapai dalam negara yang baru terbina ini dengan membawa perubahan ke atas pemikiran politik dan sosial berdasarkan Islam.

Kehilangan identiti Islam di Pakistan juga kerana Islam telah digunakan sebagai alat oleh parti-parti yang kononnya bernaung di bawah panji-panji Islam. Manifesto yang meletakkan Islam sebagai tujuan utama perjuangan telah berjaya menarik sokongan majoriti penduduk Islam di Pakistan. Laungan ‘tanah air Islam’ dan ‘negara Islam’ telah digunakan dengan berleluasa sedangkan pengertian yang diberikan terlalu cetek. Penakrifan makna yang jelas serta kajian kesan yang terperinci perlu dilakukan terlebih dahulu kerana ia boleh mempengaruhi ideologi, sosial, dan ekonomi Pakistan. Walaupun Pakistan dikenali sebagai “negara Islam”, ia nampaknya lebih menjurus kepada negara Islam moden yang secara rasminya dibentuk sebagai negara Islam berdasarkan majoriti penduduk Islam sedangkan terdapat sedikit sahaja fasal-fasal keislaman yang termaktub dalam perlembagaan. Negara ini merupakan bentuk negara berinspirasikan kerajaan sekular ciptaan barat.²⁹²

Selain pemimpin yang hanya berpendidikan barat ini, mereka juga mempunyai asas keagamaan yang kurang dalam diri. Menurut pandangan yang dikeluarkan oleh Keith Callard, kebanyakan ahli Liga Muslim sebelum dan selepas kemerdekaan sangat tipis kepercayaan terhadap agama berbanding kepercayaan yang dipegang oleh golongan ortodok Islam. Mereka dikatakan tidak menunaikan sembahyang fardu,

²⁹² Ibid, hlm. 158.

meminum minuman keras dan membenarkan anak perempuan dan isteri mereka mendedahkan aurat di khalayak ramai. Jika ditinjau dari kaca mata umum, ahli-ahli parti Liga Muslim ini adalah dari kalangan yang berpendidikan, bijaksana serta mewakili kelas pertengahan yang menurut penilaian masyarakat Eropah Barat dan Amerika cukup sempurna sebagai seorang pemimpin.²⁹³ Tetapi, Islam sendiri telah menolak golongan ini sebagai pemimpin masyarakat kerana boleh menjerumuskan diri ke dalam penyelewengan agama. Rakyat yang mengharapkan pemisahan politik daripada masyarakat beragama Hindu tidak ada pilihan selain mengangkat mereka sebagai wakil. Walaupun mereka adalah ahli politik yang berwibawa kerana mampu memperolehi sebuah tanah air Islam yang bebas tetapi keupayaan mereka dari sudut pengisian Islam amat mendukacitakan.

Pengekalan Islamisasi yang berterusan menemui jalan buntu kerana sistem pendidikan di Pakistan itu sendiri. Lebih daripada 80% penduduk di Pakistan tidak mendapat pendidikan formal. Keadaan ini menyebabkan ahli politik mengambil kesempatan yang ada dengan menggunakan pelbagai motif perjuangan sebagai satu senjata dalam meraih sokongan golongan ini.²⁹⁴ Menurut John L. Esposito, di dalam membentuk suasana politik dan sosial Islam yang lebih baik harus dimulakan daripada akar umbinya lagi di samping kepakaran dalam disiplin-disiplin tertentu. Jumlah penduduk yang mendapat asas pendidikan agama terlalu sedikit di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah *Islamiyat*. Usaha perlu dilakukan dalam melahirkan generasi yang mampan ilmu agamanya untuk mempertahankan sebuah negara Islam.²⁹⁵

²⁹³ Keith Callard, *Pakistan : A Political Study*, hlm. 200.

²⁹⁴ Ibid, hlm. 203.

²⁹⁵ John L. Esposito, "Pakistan : Quest For Islamic Identity", hlm. 159.

Secara keseluruhannya, Pakistan yang muncul pada pertengahan abad ke-20 itu merupakan kemuncak daripada rentetan perkembangan tamadun Islam sebelumnya. Namun, Pakistan sentiasa menghadapi pergolakan politik yang tidak berkesudahan sehingga kini sedangkan ajaran Islam sentiasa menekankan kepada perdamaian. Kepimpinan Pakistan telah menggadaikan maruah bangsa dan menghina asas ideologi negara dengan mengambilnya sekadar syarat di dalam perlumbagaan bukanlah tetapi bukar dari segi pengisian dan amalan. Pakistan telah bertukar menjadi sebuah negara yang menguntungkan elit tertentu dan kehidupan rakyat amnya tidak terjamin. Menurut Christina Lamb, kajian yang dilakukan ke atas Parlimen Pakistan di antara tempoh 1970 hingga 1990 menunjukkan milikan tanah yang dimiliki oleh ahli-ahli Parlimen melebihi 100 ekar seorang.²⁹⁶ Dengan pelbagai slogan untuk sokongan rakyat, teraju kepimpinan negara sering bertukar haluan.

Dalam mencapai semula keagungan tamadun Islam yang sedia terbina itu, Pakistan perlulah kembali kepada asas pembinaan negara yang sebenarnya dan menjauhkan diri daripada sistem sekular yang terang-terangan memisahkan agama daripada politik. Namun, di dalam kerancakan dunia globalisasi dan perundungan sedunia yang lebih memihak kepada barat yang sekular mampu menyekat perkembangan tamadun Islam di Pakistan yang semakin lemah pembangunan material apakan lagi fahaman ideologinya. Persoalannya juga adakah Pakistan akan lenyap dengan identitinya sebagai sebuah negara Islam di dalam kekuasaan kepimpinan sekular yang menerajuinya?

²⁹⁶ Christina Lamb, Waiting For Allah : Pakistan's Struggle for Democracy, hlm. 294.

Dapat dirumuskan bahawa undang-undang *syariah* adalah luas sifatnya. Hanya *tauhid* (kesatuan Allah) sahaja yang boleh menjadikan seorang Islam itu benar-benar Islam. Jika undang-undang *syariah* mengawal semua aspek kehidupan manusia seperti undang-undang awam iaitu perlombagaan, undang-undang antarabangsa, undang-undang persendirian, dan undang-undang jenayah sebagaimana mengawal perkara-perkara sivil, inilah yang dikenali sebagai ideologi negara Islam. Berdasarkan ideologi inilah, undang-undang Allah diamalkan dan garis panduan untuk mewujudkan manusia yang berperaturan dan mempunyai akhlak yang terpuji disediakan.